

Melanda Perlis, Kedah dan Kelantan sejak semalam

# Banjir kian buruk



● Budak lelaki berumur 13 tahun mati, manakala warga emas wanita Jerman dikhuatiri lemas.

● Penduduk dipindahkan -16,000 (Kedah), 4,536 (Perlis), 300 (Kelantan) 9 (Terengganu) sehingga petang semalam.

● Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok ditangguhkan.

● 21 sekolah di Perlis, 20 di Kedah dan 9 di Kelantan diarah tutup.

● Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar ditutup.

# Raja Muda tinjau mangsa banjir

PADANG BESAR 2 Nov. – Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan meninjau beberapa pusat pemindahan mangsa banjir di negeri ini hari ini.

Antara pusat pemindahan dilawati baginda adalah Sekolah Rendah Kebangsaan Behor Nangka Kampung Gial, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jaafar Hassan, pusat pemindahan di Batu Bertangkup dan di Titi Tinggi.

Sewaktu ke pusat-pusat berkenaan, Raja Muda Perlis yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) dan Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra menyampaikan bantuan Baitulmal Perlis dan yaysan berkenaan untuk mangsa-mangsa bencana berkenaan.

Ketika mengunjungi pusat-pusat pemindahan itu, baginda berdua mengekalkan

tradisi menghulurkan sumbangan makanan dan meluangkan masa memasak bersama mangsa banjir.

Sebelum meninggalkan pusat terlibat, Raja Muda Perlis sempat menasihatkan mangsa banjir supaya reda dengan ujian Allah kerana ia pasti memiliki hikmah tersendiri.

Baginda juga mahu mangsa bencana alam itu bersabar dan sentiasa mematuhi pandangan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Turut mengiringi baginda berdua ke pusat-pusat pemindahan itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azizan Hamid; Pengarah Baitulmal Perlis, Mohamad Sokri Husin; Pengarah MAIPs, Abdul Malik Hussin; Timbalan Ketua Polis negeri, Asisten Komisioner Zull Aznam Harun dan Ketua Polis Daerah Padang Besar, Supritendan Che Man Md. Dros.



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail bersama Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil membantu memasak untuk mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Jaafar Hassan di Chuping, Padang Besar semalam. Turut bersama Azizan Hamid (kiri).

● Jumlah mangsa pemindahan meningkat ● Jalan utama ditutup

# Banjir di utara bertambah buruk

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI,  
RAHANA MOHD. DAHARI, MARZITA  
ABDULLAH dan SITI AIRUNNISA ALAU  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 2 Nov. – Banjir yang melanda Perlis dan Kedah sejak semalam bertambah buruk hari ini apabila jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir semakin meningkat.

Beberapa laluan masih ditutup dengan paras air sungai di kedua-dua negeri terbabit melepasi paras bahaya.

Begitu juga di **KELANTAN**, hujan selama dua hari berturut-turut khususnya di daerah Kota Bharu, Rantau Panjang dan Tumpat menyebabkan negeri itu mula dilanda banjir.

Di **KEDAH**, lebih 15,432 penduduk daripada 4,251 keluarga di empat daerah iaitu Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar dan Pokok Sena dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir sehingga petang ini.

Angka itu meningkat daripada 2,000 penduduk yang dipindahkan semalam berikutan hujan berterusan sejak kelmarin hingga tengah malam tadi.

Kubang Pasu merupakan daerah paling teruk dilanda banjir melibatkan 10,834 penduduk daripada 3,108 keluarga diikuti Padang Terap (3,821 mangsa) dan Kota Setar (709 mangsa) manakala Pokok Sena (68 mangsa).

Penduduk dipindahkan ke 31 buah pusat pemindahan banjir di daerah Kubang Pasu, 37 buah di Padang Terap, tiga buah di Kota Setar serta lapan buah di Pokok Sena.

Beberapa jalan dan laluan utama termasuk di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) ditutup kerana ditenggelami air termasuk di Jitra, Changlun dan laluan lebuhraya PLUS menghala ke Bukit Kayu Hitam dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok.

Sembilan jalan di Padang Terap juga ditutup kerana ditenggelami air iaitu Jalan Kuala Nerang-Padang Sana'i, Jalan Kampung Tanjung-Pokka, Jalan Tualak, Jalan Barokhas-Kuala Nerang, Jalan Semeliang, Jalan Kampung Rambutan, Jalan Kampung Tengah-Kubu, Jalan Kuala Pai dan Jalan Kuala Nerang-Pokok Sena.

Sementara itu, tiga penerbangan



SEBUAH taman di Jalan Tan Sri Osman Aroff, Jitra, Kedah ditenggelami air sedalam 4 hingga 5 kaki, semalam.

yang dijadual berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH) di Kepala Batas di sini pada petang dan malam ini, dibatalkan ekoran lapangan terbang itu terpaksa ditutup akibat air naik sehingga ke landasan.

Ketua Unit Operasi LTSAH, Abdul Rashid Md. Yusob berkata, air naik ke landasan itu akibat limpahan banjir dari kawasan berhampiran.

“Ketiga-tiga penerbangan itu melibatkan pesawat Malaysia Airlines (MAS) ke Kuala Lumpur, AirAsia ke Kuala Lumpur dan FireFly ke Subang,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, empat penerbangan yang dijadual akan berlepas pagi esok turut dibatalkan manakala penerbangan sebelah petang bergantung pada keadaan.

Jadual pagi esok melibatkan dua penerbangan iaitu pesawat MAS ke Kuala Lumpur, satu pesawat AirAsia ke Kuala Lumpur dan satu pesawat FireFly ke Subang.

Di **PERLIS**, bandar Kangar paras



PENDUDUK menggunakan perahu sebagai pengangkutan utama apabila rumah mereka dinaiki air di Kampung Kedai Lama, Rantau Panjang, Kelantan, semalam.

banjir terus meningkat walaupun hujan yang bermula Sabtu lalu sudah berhenti awal pagi ini dan cuaca semakin panas.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati penduduk di daerah itu terutama di bandar Kangar bertungkus-lumus memindahkan kenderaan dan perkakas rumah masing-masing ke tempat selamat.

Ramai penduduk di bandar itu yang menjangkakan air semakin surut berikutan cuaca baik menjadi kelam-kabut apabila air naik secara mendadak terutama di kawasan-kawasan yang awalnya tidak mengalami banjir seperti di Taman Kemajuan, Taman Firdaus, Taman Hijrah dan Taman Bukit Kaya.

Beberapa jalan utama ke bandar

itu turut ditutup seperti Jalan Bukit Lagi, Jalan Jubli Perak, Jalan Jubli Emas dan Jalan Raja Syed Saffi. Difahamkan banjir di daerah Padang Besar dan Arau semakin surut, namun air banjir dari daerah itu kini ‘beralih’ ke bandar Kangar.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis, Abdullah Ali berkata, sehingga pukul 5 petang ini seramai 4,536 penduduk seluruh negeri telah dipindahkan ke 35 pusat pemindahan.

Menurut beliau, pusat pemindahan banjir terbaru dibuka di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Ali Ahmad yang menempatkan 100 keluarga dan Surau Tebing Tinggi menempatkan 450 keluarga.

Di **KELANTAN**, hujan lebat sejak Sabtu lalu menyebabkan air Sungai Golok mula melimpah dan menenggelamkan beberapa kawasan rendah sejak malam tadi menyebabkan seramai 297 penduduk yang tinggal di sekitar Rantau Panjang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Pasir Mas berkata, seramai 289 orang daripada 90 keluarga di Kampung Kedai Lama dan Kampung Kubang Kuadi tempatkan di stesen kereta api lama manakala bakinya seramai lapan orang daripada dua keluarga dipindahkan ke Madrasah Kubang Kua.

“Paras air Sungai Golok pada pukul 4 petang ini adalah 10.82 meter melebihi paras bahaya iaitu 9 meter dan beberapa jalan seperti Jalan Lubok Stok, Jalan Lalang Pepuyu dan Jeram Perdah terpaksa ditutup untuk kenderaan ringan,” katanya.

Di **TERENGGANU** pula, seramai sembilan mangsa daripada lima keluarga yang terdedah ancaman ombak besar yang boleh menyebabkan ‘banjir air laut’ di kawasan Kampung Pantai, Kuala Besut ditempatkan di pusat pemindahan bermula petang semalam.

Kesemua mereka merupakan mangsa pertama yang dipindahkan sejak musim tengkujuh mula melanda negeri itu beberapa hari lalu sehingga menyebabkan ombak kuat serta tinggi di beberapa buah pantai.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negeri (MKN), kesemua mereka ditempatkan di Balai Raya Kampung Pantai.

# Air empangan terpaksa dilepaskan

KANGAR 2 Nov. — Air Empangan Timah Tasoh di Padang Besar terpaksa dilepaskan semalam bagi mengelak kejadian buruk berlaku walaupun ia disedari boleh menyebabkan kawasan rendah di negeri ini dinaiki air.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu berkata, Majlis Keselamatan Negeri (MKN) yang bermesyuarat semalam bersetuju dengan keputusan Ja-

batan Pengairan dan Saliran (JPS) melepaskan air itu terutama dalam keadaan empangan sedang dibaik pulih.

“Kita sedar tindakan tersebut akan memberi kesan terhadap paras air di sekitar Kangar yang kini melepasi satu meter di kawasan-kawasan rendah,” katanya.

Beliau ditemui selepas melawat pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan (SK) Sena di sini malam

tadi.

Turut mengiringinya ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azizan Hamid; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sena, Jamil Saad dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Abdullah Ali.

Menurut Md. Isa, hujan yang berterusan sejak Sabtu lalu menyebabkan paras air di empangan tersebut naik secara mendadak dan mencecah

30.45 milimeter, melebihi paras bahaya 29.2 meter.

Dalam pada itu katanya, bencana tersebut turut menjejaskan tanaman padi di seluruh negeri ini sehingga menyebabkan seluas 3,980 hektar padi tenggelam.

Sehingga tengah hari ini, jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir meningkat kepada 3,000 orang berbanding 1,600

orang semalam.

Jumlah pusat pemindahan juga semakin meningkat daripada 14 buah yang dibuka semalam kepada 24 pusat pemindahan di seluruh negeri.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Kangar mendapati walaupun hujan sudah mulai berhenti sejak awal pagi ini, paras air di jalan-jalan utama terus meningkat sehingga melebihi paras satu meter.

# Detik cemas 6 saudara hadapi banjir

KUBANG PASU 2 Nov. – Enam bersaudara mengharungi detik paling mencemaskan apabila tiga daripada mereka nyaris maut dihanyutkan arus deras dan tiga lagi terperangkap selama 16 jam di atas sebatang pokok dalam kejadian banjir di Kampung Lahar, Malau di sini malam tadi.

Kejadian kira-kira pukul 8 malam itu melibatkan tiga beranak iaitu Baharom Omar, 54, bersama dua anaknya, Mohd. Izad, 24, dan Mohd. Izhat, 20.

Turut menempuhi pengalaman perit berkenaan ialah abang ipar Baharom, Johar Mat Saman yang berusia dalam lingkungan 50-an dan anaknya Nor Asimi, 28, serta anak saudaranya, Mohd. Rosidi Aziz, 17.

Menceritakan detik cemas tersebut, Baharom memberitahu, pada mulanya dia bersama dua anaknya ke rumah Johar di Kampung Paya Tok Teh di sini menggunakan laluan menerusi Kampung Lahar bagi menyelamatkan barang-barang di rumah abang iparnya yang dinaiki air.

Setelah selesai mengemas barang, katanya, mereka bersama tiga lagi dari rumah tersebut berjalan kaki ke pusat pemindahan banjir di dewan orang ramai kampung itu.

“Ketika itu jalan yang kami lalui sudah dinaiki air sehingga paras paha

dan air mengalir deras.

“Apabila tiba di tempat kejadian, saya tiba-tiba tergelincir dan dihanyutkan arus. Melihat keadaan itu, Mohd. Izad dan Mohd. Izhat terus berenang untuk menyelamatkan saya.

“Tiga lagi saudara kami yang panik dan berasakan keadaan tidak selamat terus memanjat sebatang pokok putat bagi menyelamatkan diri,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini hari ini.

Baharom memberitahu, sewaktu dihanyutkan arus deras sejauh 50 meter, dia dan dua anaknya bernasib baik kerana sempat berpaut pada sebilai tong minyak plastik yang timbul berhampiran mereka.

Katanya, dengan menggunakan tong itu sebagai apungan, mereka bertiga menguatkan semangat untuk berenang sejauh hampir 200 meter ke tempat yang lebih selamat sebelum berpaut pada sebatang pokok.

“Kami berpaut pada pokok itu selama hampir tiga jam sebelum orang kampung menyelamatkan kami dengan menggunakan traktor,” ujarnya.



**BAHAROM OMAR**

Menurut Baharom, selepas berjaya diselamatkan, orang kampung menjalankan usaha menyelamatkan tiga lagi saudaranya yang terperangkap di atas pokok, namun operasi itu berdepan kesukaran kerana arus deras.

Katanya, operasi menyelamat Johar, Nor Asimi dan Mohd. Rosidi mati lemas petang ini selepas dilaporkan hilang ketika memukat ikan di kawasan sawah padi bersama abangnya di Kampung Charok Bong-

pung tidak berputus asa dengan menggerakkan usaha sehingga tengah hari ini.

Penduduk kampung yang bertungkus lumus akhirnya berjaya membawa turun ketiga-tiga mangsa dengan selamat pada pukul 12 tengah hari ini, kira-kira 16 jam selepas tiga saudara itu mengharungi cuaca sejuk dan menahan lapar di atas pokok berkenaan.

“Kami amat menghargai jasa penduduk kampung yang bertungkus lumus menyelamatkan kami. Syukur kerana tiada yang terkorban dalam kejadian yang mencemaskan ini,” katanya.

# Budak 13 tahun maut, seorang warga Jerman hilang

ALOR SETAR 2 Nov. – Banjir yang melanda negeri ini mula meragut korban apabila seorang kanak-kanak berusia 13 tahun ditemui mati lemas manakala seorang wanita Jerman di kluatiri lemas dalam kejadian berasingan di Padang Terap dan Kubang Pasu sejak semalam.

Mohd. Zaki Amani Shaari ditemui mati lemas petang ini selepas dilaporkan hilang ketika memukat ikan di kawasan sawah padi bersama abangnya di Kampung Charok Bong-

or, Kuala Nerang dekat sini.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Supritendan Ku Yaacob Ku Hamad ketika dihubungi berkata, mayat kanak-kanak itu ditemui kira-kira pukul 6 petang, tidak jauh dari tempat dia dilaporkan tenggelam.

Sementara itu, seorang wanita warga emas berbangsa Jerman di kluatiri lemas setelah dihanyutkan arus deras berhampiran rumahnya di Kampung Kerenjis, Kota Giam, Jitra malam tadi.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu,

Supritendan Sawaluddin Haminuddin berkata, Erna Fisher, 64, dilaporkan hilang kira-kira pukul 8.30 malam ketika keluar bersama anak dan menantunya untuk menyelamatkan diri selepas rumah mereka dinaiki air.

Difahamkan, paras banjir di kampung berkenaan mencecah dua meter dan keadaan berbahaya kerana arus deras.

“Anak dan menantunya berjaya menyelamatkan diri tetapi mangsa dihanyutkan arus deras,” katanya.

# 21 sekolah di Perlis diarah tutup

KANGAR 2 Nov. – Sebanyak 21 sekolah di negeri ini telah diarah tutup berikutan keadaan banjir yang semakin buruk bermula semalam.

Pengarah Pelajaran negeri, Mansor Lat berkata, penutupan itu melibatkan 11 Sekolah Kebangsaan (SK) dan 10 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

“Seramai 9,226 pelajar akan terlibat dalam penutupan sementara sekolah sehingga keadaan banjir pulih,”

katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut beliau, antara SK yang ditutup adalah SK Sanglang, SK Sri Indra, SK Bukit Keteri, SK Santan, SK Padang Melangit, SK Arau dan SK Tengku Budriah.

SMK yang ditutup pula SMK Arau, SMK Syed Hassan, SMK Vokasional Arau, SMK Datuk Sheikh Ahmad dan SMK Vokasional Arau.

Beliau berkata, berikutan keadaan

banjir yang semakin buruk, beberapa sekolah turut diarah menanggungkan peperiksaan akhir tahun.

Katanya, terdapat 101 sekolah di negeri ini namun 80 masih meneruskan pembelajaran seperti biasa.

“Berikutan bencana alam ini, jumlah pelajar yang hadir ke sekolah semakin merosot kerana kita percaya ada antara mereka yang terlibat dengan pemindahan mangsa banjir,” ujarnya.